

06 JUN 2000

T.Kemang-Perniagaan/I

MASYARAKAT PERNIAGAAN DI PORT DICKSON MAHU KESINAMBUNGAN

PORT DICKSON, 6 Jun (Bernama) -- Masyarakat perniagaan di sini yang telah berhempas puls untuk menghidupan perniagaan semasa krisis ekonomi 1997 dan wabak JE tahun lepas, berharap Barisan Nasional (BN) akan mengekalkan kerusi Parlimen kawasan Teluk Kemang bagi memastikan kesinambungan.

Bagi mreka insentif yang banyak disediakan oleh kerajaan semasa krisis dua tahun itu telah membantu mereka meneruskan perniagaan masing-masing yang sebahagian besarnya bergantung kepada pelancongan di resort peranginan di sini.

Pengerusi Dewan Perniagaan India Cawangan Port Dickson, M. Baskaran berkata tiada sebab untuk mereka menolak calon BN S. Sothinathan pada pilihan raya kecil Teluk Kemang pada 10 Jun.

"Saya masih ingat masa kami berhempas pulas untuk meneruskan perniagaan kami semasa krisis ekonomi 1997. Kadar faedah sangat tinggi dan kerap kali permohonan bagi mendapatkan pinjaman ditolak," katanya di sini hari ini.

Baskaran berkata semasa krisis ekonomi, beliau memohon pinjaman RM10,000 untuk terus menghidupkan perniagaannya tetapi permohonan itu ditolak.

Bagaimanapun, Baskaran berkata langkah berani Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir memperkenalkan kawalan matawang dan mengurangkan kadar faedah membantu mereka untuk terus hidup.

"Banyak yang telah dibuat oleh Perdana Menteri, sudah sampai masanya untuk kita membalas budi kepadanya dengan menyokong Sothinathan, lebih-lebih lagi Sothinathan adalah anak tempatan Port Dickson," kata Baskaran.

Sothinathan ditentang calon Keadilan Ruslan Kasim pada pilihan raya kecil Teluk Kemang pada 10 Jun.

Naib Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Negeri Sembilan, Dinesh Patel berkata masyarakat perniagaan telah mendapat banyak manfaat menerusi pelbagai bentuk program yang dijalankan oleh kerajaan BN.

"Kerajaan banyak membantu semasa kita menghadapi masalah. Perniagaan kini maju di kawasan ini dan kami tidak mahu ia terjejas," katanya.

Seorang ahli wanita Melayu yang menjalankan perniagaan restoran di pusat bandar berkata beberapa langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mempromosikan pelancongan telah memberi manfaat kepada penduduk di sini terutama sektor perniagaan.

"Perniagaan kami hampir mati semasa krisis JE, hampir-hampir tiada pelancong datang ke sini tetapi kami mampu bertahan," kata ahli perniagaan berusia 40 tahun itu yang enggan namanya disiarkan.

Bukit Pelandok yang mengalami kerugian paling besar kerana JE berlaku di sini, juga sudah kembali kepada keadaan asalnya.

"Hampir semua penduduk meninggal tempat ini semasa JE dan kami terpaksa menutup kedai. Mereka sudah balik, bekerja di kilang-kilang dan ladang dan kedai kami dibuka semula," kata seorang pemilik kedai runcit di sini.

"Timbul rasa tidak puas hati terhadap kerajaan membabitkan jumlah wang pampasan kepada penternak babi. Tetapi kami semua tahu BN telah banyak membantu kami semasa krisis itu... sebarang peralihan kepada pembangkan tidak akan membantu kami dalam jangka masa panjang," katanya.

-- BERNAMA

AR LAT